



KENYATAAN TENDER (NOTIS PELAWAAN TENDER)

Datuk Bandar Kuala Lumpur mempelawa syarikat yang berkelayakan untuk membuat tawaran secara tender terbuka bagi Tawaran Penjualan Tanah Milik Datuk Bandar Kuala Lumpur yang dinyatakan seperti berikut:

TAJUK	SYARAT KELAYAKAN	TARIKH IKLAN DIBUKA DAN DITUTUP
<i>Penjualan Tanah Milik Datuk Bandar Kuala Lumpur Berkeluasan 2,388 Meter Persegi (0.59 Ekar) Di Alamat Hakmilik Pajakan Negeri 33267 Lot 15, Seksyen 91, Bandar Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur</i> Harga Dokumen: RM300.00	(i) Syarikat tempatan milik warganegara Malaysia yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan memiliki sekurang-kurangnya tiga puluh peratus (30%) pegangan ekuiti bumiputera dan Modal Berbayar: a. sekurang-kurangnya Ringgit Malaysia: Satu Ratus Ribu Sahaja (RM100,000.00) bagi syarikat tempatan milik kepentingan tempatan; atau b. sekurang-kurangnya Ringgit Malaysia: Dua Ratus Lima Puluh Ribu sahaja (RM250,000.00) bagi syarikat tempatan milik kepentingan bersama tempatan dan asing. (ii) Syarikat yang mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh adalah layak menyertai tawaran ini.	<u>Tarikh Tawaran Dibuka</u> 16 Jun 2025 (Isnin) <u>Tarikh Tawaran Ditutup</u> 15 Julai 2025 (Selasa)

1. Pembelian dokumen tawaran boleh dibuat di kaunter perolehan **Jabatan Pentadbiran, Bahagian Pengurusan Perolehan, Tingkat 32, Menara DBKL 3, Bandar Wawasan, Jalan Raja Abdullah, 50300 Kuala Lumpur** pada waktu pejabat dengan mengemukakan resit bayaran dokumentasi yang dibayar **SECARA TUNAI SAHAJA**.
2. Untuk pembelian dokumen tawaran diwajibkan membawa:-
 - (i) Surat perwakilan kuasa asal yang ditandatangani oleh pemilik Syarikat; dan
 - (ii) Satu (1) salinan sijil SSM Borang 9 (S17), 24 (S78) & 49 (S58)

3. Dokumen yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang dimeterikan dan ditulis tajuk kerja berkaitan dan dimasukkan ke dalam peti yang disediakan di **Jabatan Pentadbiran, Bahagian Pengurusan Perolehan, Tingkat 32, Menara DBKL 3, Bandar Wawasan, Jalan Raja Abdullah, 50300 Kuala Lumpur** tidak lewat dari **jam 12.00 tengahari** pada tarikh tutup. Tawaran yang **LEWAT TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN** sama sekali.
4. Datuk Bandar Kuala Lumpur tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling tinggi atau mana-mana tawaran juapun.
5. Syarikat hendaklah menanggung sendiri segala perbelanjaan yang berkaitan dengan urusan dokumen tawaran tender ini. Bayaran yang telah dibuat tidak akan dikembalikan.
6. Untuk keterangan lanjut sila layari laman web rasmi Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

Tarikh Iklan : 16 Jun 2025 (Isnin)

Laman Web : www.dbkl.gov.my